Masyarakat Mesir purba menyenaraikan lebih 850 ubatan tumbuhan dan perawatan di dalam Ebers Papyrus, sebuah skrol perubatan dengan panjang 70 kaki yang dijual kepada George Ebers oleh seorang Arab pada awal tahun 1870-an. Skrol tersebut

bertarikh pada permulaan 1500 SM (Judith, 2001). Bawang putih dipercayai boleh menghalau ular dan menghalang cacing pita. Buah beri Juniper dari Lebanon dibalut bersama mumia dan digunakan dalam upacara penyucian mayat. Hamba-hamba yang membina piramid diberi makan bawang merah dan bawang putih untuk menghalang infeksi sementara kerabat diraja pula memiliki koleksi perubatan herba, pewangi dan bahan-bahan kosmetik sewaktu mereka hidup mahupun sewaktu mereka dalam perjalanan selepas kematian.

Maharaja China Shen Nung yang memerintah lebih kurang 3000 tahun dahulu telah menghasilkan karya pertama tentang tumbuhan herba, Buku baginda yang bernama Pen Tsa'o Ching mengandungi lukisan dan pencirian tumbuhan, pengumpulan, penyediaan dan kegunaan tumbuhan perubatan. Baginda telah mencirikan sebanyak 365 jenis tumbuhan ubatan yang telah digunakan pada tamadun China Kuno termasuk yang masih digunakan sehingga ke hari ini, seperti opium, ginseng, efendra dan chaulmoogra (Anthony, 1992). Menurut Duke & Ayensu (1985), sekurang-kurangnya 1000 spesies tumbuhan telah dikenalpasti di Negara China yang digunakan sebagai sumber ubatan.

Bertarikh lebih daripada 3500 tahun dahulu, perubatan India mempunyai sejarah yang awal. Ilmu ini diturunkan dalam bentuk puisi-puisi suci atau Vedas. Sistem ini dikenali sebagai Ayurveda. Antara penulisan Sanskrit awal bermula dari tahun 1500 SM. Rig Veda merupakan puisi yang mencirikan informasi perubatan. Rig Veda membekalkan asas bagi sistem perubatan Ayurvedik yang masih lagi dipraktikkan dalam kalangan komuniti India. Ia menyenaraikan lebih daripada 1500 ubatan yang dihasilkan daripada tumbuh-tumbuhan. Ayurveda masih dipraktikkan di berpuluh ribu

kinik di India. Ia mengandungi lebih 8000 perawatan herba (Anthony, 1992) dan sebanyak 45,000 spesies tumbuhan ubatan telah dikenalpasti (Jain, 1994).

Pada tahun 1780-an suatu kajian dilakukan oleh Scheele terhadap asid organik tumbuhan (Sneader, 1985). Ia merupakan permulaan kepada suatu pencarian yang diasaskan oleh Paracelsus pada tahun 1524 yang menyentuh mengenai Arcanum di dalam *Archidoxa* di mana ia merujuk kepada pencarian 'bahan suci' dalam merawat penyakit (Pacher, 1951; Cordell, 2000). Penemuan kuinina daripada pokok Cinchona pada abad ke 19 oleh saintis berbangsa Perancis, Caventou & Pelletier adalah merupakan perintis dalam memencilkan bahan aktif (hasilan semula jadi/metabolit sekunder) daripada tumbuhan (Phillipson, 2000). Pada akhir abad ke 19, modifikasi terhadap bahan aktif telah dilakukan dengan tujuan meningkatkan aktiviti atau selektiviti serta mengurangkan kesan sampingan atau kesan ketoksikan (Sneader, 1985). Contoh klasik hasil modifikasi kimia ialah aspirin yang telah digunakan lebih daripada 100 tahun sebagai entiti komersial (Reisch, 1997).

Adalah dianggarkan terdapat 500,000 jenis tumbuhan di muka bumi ini. Hanya 5000 sahaja yang dikaji untuk unsur-unsur perubatan. Sebanyak 25% daripada ubatan moden didapati mengandungi bahan yang berasal daripada tumbuhan dan ada di antaranya yang telah dijadikan agen terapeutik (Heble & Chanda 1985). Pada tahun 1985, penyelidikan produk asli telah menemui sebanyak 3,500 struktur kimia dan 2,600 daripadanya adalah daripada tumbuhan peringkat tinggi (Evans, 1996). Pada tahun 1988 pula pangkalan NAPRALERT didapati mengandungi lebih 88,000 sebatian metabolit sekunder daripada tumbuhan dan setiap tahun, sebanyak 4,000 sebatian baru dilaporkan (Jadual 1.1; Farnsworth, 2000). Kebanyakan tumbuhan yang

dikaji hanya untuk mendapatkan sebatian tertentu sahaja. Ekstrapolasi daripada jumlah tumbuhan yang dikaji dengan bilangan sebatian yang diketahui menunjukkan bahawa, daripada semua sepsies tumbuhan yang dikaji, sekurang-kurangnya terdapat satu ribu sebatian yang berbeza yang dapat diasingkan (Verpoorte, 1998).

Menurut Farnsworth *et al.* (1985), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak lebih 75% daripada populasi dunia masih bergantung kepada ubatan berasaskan tumbuhan untuk keperluan asas kesihatan. Walau bagaimanapun, terdapat kurang daripada 10% daripada 400,000 hingga 750,000 spesies telah dikaji secara saintifik untuk aktiviti farmakologinya (Farnsworth, 1976). Banyak kajian giat dijalankan kini seperti pencarian agen antimikrob baru (Apisariyakul *et al.*, 1995), pengasingan dan pengenalpastian bahan aktif yang memberi kesan antimikrob (Gupta *et al.*, 1976; Roth *et al.*, 1998) dan kajian mekanisme kesan antimikrob (Dahl *et al.*, 1989).

Negara Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai paling banyak tumbuhan herba di dunia kerana mempunyai sekitar 13,000 tumbuhan ubatan yang dikenalpasti (Sharifah Anisah, 1996) termasuk banyak tumbuhan yang dicirikan dalam Ayurveda. Oleh itu Malaysia juga tidak ketinggalan dalam usaha pencarian tumbuhan yang mempunyai komponen antimikrob, antitumor, antikanser dan anti penyakit yang lain, baik dari segi tradisional mahupun moden.

Jadual 1.1 Bilangan Spesies Tumbuhan Yang Telah Dikaji Secara Fitokimia Dan Sekurang-kurangnya Satu Jenis Aktiviti Biologi, Seperti Pada Disember 1995, Pangkalan Data Napralert.

[Sumber : Farnsworth, (2000)]

Tumbuhan	Aktiviti Biologi	Fitokimia
Monokot	1,283	3,721
Dikot	11,924	31,126
Gimnosperma	239	632
Pteridofita	349	961
Briofita	39	457
Liken	118	625

Ayurveda bermaksud sains kehidupan. Ia telah dipraktikkan lebih daripada 3000 tahun dahulu dan sejarahnya boleh dibahagikan kepada empat zaman.

1. Zaman Vedik.
2. Zaman penyelidikan dan klasik.
3. Zaman penumpulan kaedah ayurvedik dan zaman Rasa Tantras dan Siddhas (ahli kimia dan ahli fizik).
4. Zaman pemberhentian sementara dan pengaturan lanjutan.

Ayurveda berakar umbi dalam latarbelakang tatacara sosial, budaya dan falsafah yang kaya sekaligus tersebar di serata India di antara 600 S.M hingga 700 M. Pakar-pakar Ayurveda sangat dipengaruhi oleh falsafah zaman tersebut termasuk yoga. Perubahan tradisional jenis ini berada pada puncak kegemilangannya semasa zaman klasik dan zaman rasa tantras dan siddhas (Udupa, 1975).

Pada permulaan era Kristian, Ayurveda telah tersebar menyeberangi benua India dan ia juga telah mempengaruhi sistem-sistem perubatan Mesir, Greece, Rome dan Arabia. Kehadiran pemerintah-pemerintah Islam di India telah membawa masuk sistem perubatan Yunani dan Arab di mana kedua-dua sistem perubatan tersebut telah mula digunakan di India. Ayurveda menganggap manusia sebagai 'miniature' alam semesta dan semua unsur yang boleh didapati di alam semesta ini juga dipercayai hadir di dalam badan manusia. Begitu juga dengan semua unsur yang hadir di dalam badan manusia boleh dijumpai di dalam alam semesta. Maka, manusia ialah suatu 'microcosm' dalam 'makrocsm'.

air, api, udara dan 'ether'. Elemen-elemen yang sama sudah pasti wujud sebagai elemen asas badan manusia. Adalah dikatakan bahawa bersama kelima-lima elemen ini, kehidupan bergantung pada kehadiran organ-organ deria, minda dan roh yang berfungsi secara normal. Oleh itu, seseorang manusia yang sihat didefinisikan sebagai seseorang yang memiliki badan yang seimbang dengan 'humour-humour' badan, elemen-elemen badan yang berfungsi dengan betul serta seseorang yang mempunyai minda, roh dan organ-organ badan yang baik dan mampu menggunakannya untuk tujuan-tujuan yang baik dan membahagiakan. Oleh itu, dalam perubatan Ayurvedik, manusia yang hidup ialah suatu kombinasi yang seimbang antara tiga 'humour', tujuh jenis tisu asas dan tiga jenis rembesan.

Ketiga-tiga 'humour' Ayurvedik ialah vata, pitha dan kapha atau dalam bahasa moden dikenali sebagai 'neurotransmitter acetylcoline', 'catecholamine' dan histamin masing-masing. Menurut Ayurveda, semua fungsi badan dan strukturnya dikawal oleh tiga neurotransmitter tersebut dan apabila keseimbangannya teranjak, seseorang individu itu jatuh sakit. Jika takrifan Ayurveda dibandingkan dengan definasi yang diberi oleh World Health Organization (WHO) akan didapati kedua-dua takrifan tentang kesihatan membawa maksud yang sama. WHO mentakrifkan 'kesihatan' sebagai suatu keadaan yang sempurna dari segi fizikal, sosial dan kerohanian dan bukan hanya sekadar ketiadaan penyakit atau luka (Pahlow, 1982).

1.3.1 Definisi , Ciri-Ciri Umum Dan Klasifikasi Mikroorganisma

Mikroorganisma ialah organisma seni seperti bakteria, virus, kulat, yis, riketsia dan protozoa. Mikroorganisma yang membawa kemudaran dikenali sebagai mikroorganisma patogen. Mengikut Dorland's Medical Pocket Dictionary, (1995) mikroorganisma patogen ditakrifkan sebagai organisma seni yang mempunyai kepentingan perubatan. Bakteria, kulat dan alga termasuk dalam Alam/Kingdom tumbuhan manakala protozoa atau dikenali sebagai haiwan primitif termasuk ke dalam Kingdom haiwan. Terdapat beberapa mikroorganisma yang sukar dikenalpasti sama ada ianya protozoa (haiwan) ataupun alga (tumbuhan). Mikroorganisma unisel sebegini diletakkan dalam satu lagi kingdom yang dikenali sebagai Kingdom Protista. Pada tahun 1868, Haeckel mencadangkan kingdom baru ini kepada dunia sains (Frobisher & Fuerst, 1973). Mikroorganisma atau agen yang berkebolehan menyebabkan penyakit dikenali sebagai patogen (Dorland's Medical Pocket Dictionary, 1995). Oleh itu, kepatogenan ialah kebolehan atau keupayaan sesuatu mikroorganisma untuk memasuki perumah dan menyebabkan penyakit. Darjah kepatogenan sesuatu mikroorganisma bergantung kepada penembusan dan/atau kebolehan menghasilkan racun atau toksin (Cheesbrough, 1984).

Berikut adalah ciri-ciri am yang mesti ada pada sesuatu patogen:

- 1) Mikroorganisma patogen mesti berkeupayaan untuk memasuki badan perumah untuk menyebabkan penyakit (selain kes tertentu seperti botulisme yang disebabkan oleh pengingesian toksin bakteria oleh pesakit).
- 2) Patogen mesti berkeupayaan untuk berganda di dalam tisu perumah.

- 3) Patogen mesti berupaya merosakkan tisu perumah.
- 4) Patogen mesti berkeupayaan untuk rintang dan dapat mengatasi mekanisme pertahanan perumah (Duerden *et al.*, 1993).

1.3.2 Bakteria

Mengikut Klainer & Geis (1973), bakteria adalah satu kumpulan organisma unisel seni yang heterogenus. Ianya diklasifikasikan berdasarkan empat ciri yang utama secara amnya. Ciri-ciri tersebut ialah bentuk, reaksi pewarnaan Gram, sifat-sifat metabolisme dan struktur antigen (Crowley, 1997). Sel-sel individu dan kumpulan ini juga mempunyai ciri-ciri morfologi dan hubungan ruang tertentu (Klainer & Geis, 1973). Saiz bakteria adalah dalam lingkungan antara 0.5-1.0 μm lebar dan 0.5-8.0 μm panjang.

Setiap individu bakteria berkemampuan menjalankan pelbagai aktiviti metabolit yang berbeza dan meningkatkan saiznya serta membiak secara belahan dedua. Setiap sel mengandungi sitoplasma yang pekat dikeilingi oleh membran sitoplasma dan selalunya di bahagian luar mempunyai dinding sel yang tegar. Sitoplasma mengandungi kedua-dua asid deoksiribonuklik (DNA) dan asid ribonuklik (RNA). Kebanyakan DNA berkumpul di satu bahagian sel membentuk cincin atau gelungan dan membentuk nukleus. Dinding sel bakteria pula adalah tegar disebabkan oleh kehadiran kompleks gula amino dan polipeptida yang dikenali sebagai mukopeptida. Asid muramik merupakan komponen tetap mukopeptida. Sesetengah bakteria membentuk kapsul di luar dinding sel yang selalunya terdiri daripada polisakarida. Sesetengah bakteria mempunyai flagelum yang merupakan alat pergerakan manakala

sesetengahnya pula membentuk endospora. Endospora ialah suatu jasad rehat berdinding tebal dengan keupayaan kerintangan yang tinggi (Turk & Porter, 1974).

Bakteria wujud dalam pelbagai bentuk seperti sfera (kokus), rod (basilus), koma atau berpilin. Nama bakteria bergantung kepada bilangan individu bakteria yang hidup bersama. Contohnya, bakteria kokus yang hidup dalam kelompok dikenali sebagai stafilokokus, bakteria yang berpasangan dikenali sebagai diplokokus atau berantai dikenali sebagai streptokokus. Berdasarkan Pewarnaan Gram, bakteria dapat dikategorikan kepada jenis Gram Positif dan Gram Negatif. Sestina bakteria adalah cerewet iaitu hanya boleh tumbuh pada medium yang diperkaya di bawah keadaan suhu dan pH yang terkawal, manakala sesetengah bakteria yang lain pula boleh hidup dengan medium kultur ringkas. Kebanyakan bakteria hidup dengan memerlukan kehadiran oksigen dan ia dikenali sebagai bakteria aerob manakala bakteria anaerob pula adalah bakteria yang hidup tanpa memerlukan oksigen. Di samping itu terdapat juga bakteria lain yang boleh hidup di dalam kedua-dua keadaan aerob dan anaerob dan kumpulan ini dikenali sebagai fakultatif. Kebanyakan bakteria juga mempunyai sifat-sifat biokimia yang ketara. Ada di antaranya yang boleh memfermentasikan karbohidrat dan boleh memberikan banyak tindak balas biokimia yang berbeza di dalam keadaan kultur tertentu. Setiap bakteria mempunyai profil biokimia tersendiri yang membolehkan pengenalan terhadapnya dilakukan. Selain itu, setiap bakteria mempunyai banyak struktur antigen yang berkaitan dengan sel, kapsul dan flagelum (Crowley, 1997).

Bakteria patogen boleh diklasifikasikan kepada patogen pengambil peluang (oportunist) dan patogen sebenar. Bakteria pengambil peluang jarang menyebabkan penyakit pada individu yang mempunyai pertahanan fizikal atau anatomi dan imunologi yang kuat. Kebanyakannya adalah flora normal (contohnya : *E. coli* dan *S. aureus*). Pada kebiasaannya flora normal dapat menyebabkan penyakit hanya apabila ia bertukar ke tempat baru di dalam tubuh manusia ataupun apabila terdapat penyingkiran bakteria asing dengan menggunakan antibiotik berspektrum luas di mana ia akan berpindah dan menetap di tapak baru, seterusnya berganda dan akhirnya menyebabkan penyakit. Patogen sebenar pula boleh menyebabkan jangkitan dan penyakit pada individu yang sihat dan juga individu yang lemah sistem pertahanan badannya (Cockayne, 1997).

Bakteria patogen mempunyai penentu virulen / agresin tertentu yang berperanan pada pelbagai peringkat semasa proses menyebabkan penyakit. Sebagai contohnya, hemolisin merupakan aset bagi *E. coli* dan toksin difteria pula adalah aset bagi *Corynebacterium diphtheriae*. Ureases pula merupakan enzim agresin ekstrasel yang terdapat pada *Proteus sp.* Pada penyakit Infeksi Trek Urinari, enzim urease ini memecahkan urea di dalam urin dan menyebabkan pembebasan amonia dimana pembebasan amonia ini akan menyebabkan suatu keadaan jangkitan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sesetengah penyakit yang tidak diketahui patogenesis dan penentu virulennya (contohnya, siflis) (Cockayne, 1997). Jadual 1.2 menunjukkan kesan-kesan yang disebabkan oleh eksotoksin bakteria sementara Jadual 1.3 pula menunjukkan antara penyakit yang boleh disebabkan oleh beberapa bakteria patogen.

(Sumber: Cockayne, 1997)

Kesan Toksik	Contoh
<p><i>Tindakan Membunuh</i></p> <ul style="list-style-type: none"> -Kesan terhadap persimpangan saraf otot -Kesan terhadap otot voluntari -Kerosakan jantung, paru-paru, ginjal dan lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> -Toksin A <i>Clostridium botulinum</i> -Toksin tetanus -Toksin diphtheria
<p><i>Kesan Pirogen</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan suhu badan 	<ul style="list-style-type: none"> -Eksotoksin <i>S. aureus</i> dan <i>S. pyogenes</i> -Toksin I Sindrom Kejutan Toksik Stafilokokus
<p><i>Tindakan terhadap trek gastrousus</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Sekresi air dan elektrolit - Kolitis Pseudomembran - Disenteri Basilus - Muntah 	<ul style="list-style-type: none"> - Enterotoksin kolera dan <i>E. coli</i> - Toksin A & B <i>Clostridium difficile</i> - Toksin Shigella - Enterotoksin A-E <i>S. aureus</i>.
<p><i>Tindakan terhadap kulit</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Nekrosis -Eriterna -Ketelapan kapilari kulit 	<ul style="list-style-type: none"> -Toksin <i>Clostridium</i> sp; toksin a Stafilokokus -Toksin <i>Diphtheria</i> sp; toksin <i>Streptococcal erithrogenis</i> -Enterotoksin kolera; toksin labil haba <i>E. coli</i>
<p><i>Kesan Sitolisis</i></p> <ul style="list-style-type: none"> -Lisis sel darah merah 	<ul style="list-style-type: none"> -Lisin α-,β-,δ- <i>Staphylococcus aureus</i>, Leukosidin -Streptolisin O & S -Toksin α- dan θ- <i>Clostridium perfringens</i>
<p><i>Perencatan aktiviti metabolisme</i></p> <ul style="list-style-type: none"> -Sintesis protein 	<ul style="list-style-type: none"> -Toksin diphtheria; toksin shiga

Jadual 1.3 Beberapa bakteria patogen yang penting dan penyakit yang boleh disebabkan olehnya.

(Sumber: Cheesbrough, 1984)

Organisma	Morfologi Sel	Penyakit
<i>Staphylococcus aureus</i>	Kokus berkumpul	Bisul, Bengkak, Bermanah, Infeksi sekunder, Bakteremia, pneumonia, meningitis, konjunktivitis pada bayi, keracunan makanan.
<i>Streptococcus pyogenes</i>	Kokus berantai	Sakit tekak, demam Scarlet, bakteremia, media otitis, meningitis, selulitis, sepsis puerperal, glomerulonefritis pos-streptokokal dan demami reumatik ke arah sakit jantung.
<i>Escherichia coli</i>	Rod motil dan tak motil	Infeksi urinari, infeksi luka, bakteremia dan gastroenteritis.
<i>Klebsiella pneumoniae</i>	Rod berkapsul tidak motil	Infeksi dada, infeksi urinari, infeksi luka, bakteremia, meningitis dan endokarditis.
<i>Proteus vulgaris</i>	Rod motil	Infeksi urinari, infeksi dada dan luka, bakteremia dan meningitis.
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	Rod motil	Infeksi urinari~ infeksi respiratori, infeksi telinga dan luka, infeksi terbakar dan septisemia.
<i>Shigella sonnei</i>	Rod tidak motil atau kokobasilus	Disenteri basilus
<i>Salmonella typhi</i>	Rod motil	Demam enterik (tifoid dan paratifoid), keracunan makanan, septisemia, meningitis, infeksi tulang, bengkak bermanah.

Gambar foto 1.1 menunjukkan rupa bentuk koloni beberapa bakteri patogen yang ditumbuhkan di atas medium agar nutrien.


1.3.2.2 Ciri-ciri jangkitan penyakit yang disebabkan oleh beberapa bakteri patogen

(a) Infeksi Trek Genitourinari oleh *Escherichia coli*

Ia berlaku disebabkan oleh kontaminasi najis pada kawasan genital. Ia lebih banyak berlaku dalam kalangan wanita disebabkan oleh uretra yang pendek dan berhampiran dengan kawasan anus. Sistitis berlaku dengan ciri-ciri seperti kerap kencing yang diiringi dengan rasa sakit dan hematuria. Infeksi pielonephritis pada ginjal akan berlaku dan diikuti pula dengan infeksi trek urinari yang dicirikan dengan demam, sakit pada rusuk, kelembutan dan mungkin boleh menyebabkan kejutan endotoksin. Prostatitis pula berlaku dalam kalangan lelaki tua (Johnson *et al.*, 1996). Gambar foto 1.2 (A) menunjukkan bakteria *E. coli*.


b) Meningitis oleh Pneumokokus

Meningitis oleh bakteria pneumokokus (Gambar foto 1.2 (B)) berlaku pada semua peringkat umur. Separuh daripada kes ini adalah lanjutan daripada penyakit otitis media, sinusitis, konjunktivitis purulen, pneumonia, endokarditis atau kolisistis manakala separuh lagi merupakan meningitis primer iaitu tidak ada infeksi yang jelas. Pada orang dewasa, kebanyakan meningitis berkaitan dengan sinusitis, otitis media dan pneumonia yang disebabkan oleh pneumokokus. Cecair serebrospinal dicirikan dengan peningkatan sel darah putih (kebanyakannya leukosit polimorfonuklear),



Gambar foto 1.1: Rupa bentuk koloni beberapa bakteria patogen yang ditumbuhkan di atas medium agar nutrien, selepas 24 jam penderaman secara aerob pada suhu 37°C.

(A) *B. subtilis*, (B) *S. pyogenes*, (C) *E. coli*, (D) *E. aerogenes*, (E) *Erwinia sp.*, (F) *P. mirabilis*, (G) *S. aureus*, (H) *B. cereus* dan (I) *K. pneumoniae*.



Gambar foto 1.2 Beberapa bakteri patogen (Anon, 2000)

(A) *Escherichia coli*, (B) *Pneumococcus sp.*, (C) *Salmonella typhi*, (D) *Shigella sp.*,
(E) *Staphylococcus aureus*, (F) *Enterococcus sp.*,

sedikit peningkatan protein, penurunan gula (kurang dari 50% aras gula darah), dan kehadiran pneumokokus yang lazim.

c) Gastroenteritis oleh *Salmonella*

Infeksi adalah melalui ingesti makanan yang dicemari oleh pembawa. Penyakit ini dicirikan oleh nausea, muntah, diarea dan kesakitan pada bahagian abdomen. Diarea mungkin juga berclarah dan reaksi sistemik seperti demam juga sering berlaku (Klainer & Geis, 1973). menunjukkan bakteria yang bertanggungjawab membawa penyakit ini.

d) Demam Enterik (tifoid) oleh *Salmonella typhi*

Ia berlaku kerana disebabkan oleh ingesti makanan atau air yang tercemar oleh pembawa dan mempunyai tahap infektif yang tinggi walaupun dengan jumlah bakteria yang sedikit (contohnya : 200/sel). Pesakit akan mengalami lesu, sakit kepala dan peningkatan suhu pada siang hari sehingga 102°C dan 105°C. Ruam akan kelihatan pada minggu kedua dan ketiga jangkitan. Biasanya, penyakit ini akan sembuh pada minggu ketiga atau kelima. Komplikasi yang teruk adalah pendarahan gastrousus dan peritonitis. Selepas sembuh, kira-kira 3% daripada pesakit boleh menjadi pembawa, di mana patogen akan menetap di pundi hempedu dan laluan hempedu. Gambar foto 1.2 (C) menunjukkan *Salmonella typhi* yang menyebabkan penyakit tifoid.

e) Shigellosis (disenteri basilus) oleh *Shigella* sp.

Shigella sonnei, Gambar foto 1.2 (D), merupakan penyebab utama penyakit shigellosis di Amerika. Ia dicirikan dengan inflamasi akut pada dinding usus besar dan ileum terminal. Walau bagaimanapun, kemasukan ke dalam aliran darah adalah jarang

berlaku. Antara komplikasi yang disebabkan terasuklah nekrosis pada membran mukus, pembentukan ulser dan pendarahan. Penyakit ini dicirikan dengan sakit yang datang mendadak selepas, masa eraman yang pendek iaitu antara 1-4 hari, dengan kesakitan pada abdomen, kejang, diarea dan demam. Najis adalah dalam bentuk cecair dan sedikit. Selepas beberapa pergerakan bowel, najis mengandungi mukus, nanah dan kadangkadang darah.

f) Bakteremia oleh Stafilococcus

Kebanyakannya disebabkan oleh kemasukan patogen melalui kulit dan ia boleh membawa maut. Selalunya dicirikan oleh infeksi metastatik kepada kebanyakan bahagian tubuh termasuklah lapisan meninges, endokardium, tulang, paru-paru dan ginjal. Gambar foto 1.2 (E) menunjukkan *Staphylococcus aureus*.

g) Endokarditis oleh Stafilococcus

Bakteremia boleh menyebabkan nekrosis akut, pembentukan lesi ulser pada endokardium dan lebih cepat memusnahkan injap jantung. Ia merupakan komplikasi yang paling ditakuti selepas pembedahan jantung (Klainer & Geis, 1973). Antara komplikasi kesan sistemiknya termasuklah demam, kurang berat badan, lesu dan pembesaran limpa yang selalu terjadi bagi endokarditis yang infektif dan ia boleh menyebabkan bakteremia yang tetap. Pendarahan linear (splinter hemorrhages) di bawah hujung kuku juga, kerap berlaku. "Clubbing" pada kuku juga sering berlaku dimana puncanya tidak diketahui. Stafilococcus termasuklah dalam famili enterokokus seperti gambar foto 1.2 (F).

Ia bukannya infeksi primer bagi individu yang sihat tetapi kerap bertindih dengan infeksi virus pada trek pernafasan, terutamanya influenza ataupun urutan daripada bakteremia pneumonia iaitu bronkopneumonia, pneumonia lobar (selalunya terjadi bersama dengan empiema), pneumonia interstitial dan bronkopneumonia difusi bilateral. Penyakit ini dicirikan dengan nekrosis dan pembentukan bengkakkan bemanah kecil, gabungan bengkakkan bemanah kecil dan hasil percantuman. Bengkakkan bemanah subpleural akan pecah menyebabkan empiema atau nanah dalam ruang pleura. Jika satu lesi nekrosis dapat menyebabkan berlakunya pemecahan ruang udara, piopneumotoraks akan terjadi. Penyebaran ke mediastinum, perikardium dan darah akan memudaratkan lagi keadaan penyakit.

i) Demam Scarlet oleh *Streptococcus pyogenes*

Merupakan status penyakit hasil daripada infeksi (selalunya faringitis), bersama-sama dengan penghasilan toksin eritrogen oleh strain Streptokokus di dalam perumah lemah. Ruam akan kelihatan bermula daripada belakang telinga dan tersebar ke seluruh badan. Bahagian muka selalunya tidak kelihatan ruam kecuali pada bahagian pipi. Ruamnya mungkin terbentuk dengan pantas, dan mungkin teruk dengan "petechiae" dan lesi kutan berdarah. Lidah akan kelihatan seakan-akan seperti strawberi kerana disebabkan oleh pembesaran dan penonjolan papillae merah menembusi satu lapisan putih.


j) Demam reumatik oleh streptokokus

Ia berikutan infeksi tekak oleh streptokokus kumpulan A pada individu yang lemah sistem imunnya. Walau bagaimanapun, sekitar 20% daripada pesakit tidak menunjukkan tanda-tanda atau simptom awal. Ia menyebabkan berlakunya proses inflamasi sistemik yang melibatkan tisu konektif, jantung dan sistem saraf pusat. Ia boleh menyebabkan lesu kronik yang progresif, kerosakan otot dan injap jantung dengan stenosis mitral. Ia dianggap hasil daripada tindakan silang antibodi antistreptokokus dengan otot sarkolemna dan ginjal yang menyebabkan proses inflamasi.

Gambar beberapa patogen dapat dilihat pada Gambar foto 1.2 sambungan. Gambar foto 1.2 (G) ialah *Bacillus cereus*, (H) *Klebsiella pneumoniae*, (I) *Pseudomonas aeruginosa*, (J) *Proteus* sp., (K) *Campylobacter*, (L) *Corynebacterium diphtheriae*, (M) *Enterobacter aerogenes*, (N) *Clostridium botulinum* dan (O) *Actinomyces* sp.



1.3.3 Kulat

Kulat dapat didefinisikan sebagai satu kingdom organisma eukariot yang merupakan organisma heterotrof yang hidup sebagai saprofit atau parasit, termasuklah cendawan, yis, kulat dan sebagainya. Ia mengandungi dinding sel yang tegar tetapi tidak mempunyai klorofil (Dorlands, 1995). Ia secara amnya bersaiz lebih besar daripada bakteria dan selalunya berada dalam bentuk multisel (Turk & Porter, 1974; Duerden *et al.*, 1993).



Gambar foto 1.2 sambungan

(G) *Bacillus cereus*, (H) *Klebsiella pneumoniae*, (I) *Pseudomonas aeruginosa*,
 (J) *Proteus* sp., (K) *Campylobacter* sp., (L) *Corynebacterium diphtheriae*.



Gambar foto 1.2 sambungan

(M) *Enterobacter aerogenes*, (N) *Clostridium botulinum*, (O) *Actinomyces* sp.

Kulat adalah organisma yang kekinatan seperti tumbuhan tanpa klorofil (Pelczar & Reid, 1972; Crowley, 1997). Oleh itu ia tidak boleh mensintesis makanannya sendiri. Saiz dan bentuknya adalah berbeza iaitu daripada satu sel yis yang bersel tunggal kepada cendawan yang besar berbilang sel (Pelczar & Reid, 1972). Terdapat lebih daripada 50 000 spesies kulat yang telah diketahui dan ia telah diklasifikasikan kepada beberapa kelas utama berdasarkan kepada organisasi sel dan cara pembiakan (Cheesbrough, 1984).

Kulat dapat dibahagikan kepada dua kumpulan besar iaitu yis dan kulat atau jamur. Yis adalah sel kecil dalam bentuk bujur atau sfera yang membiak secara penunasan (Crowley, 1997). Yis boleh juga membentuk spora seks (Turk & Porter, 1974). Sesetengah yis menunjukkan ubahsuaian bentuk penunasan di mana tunasnya memanjang membentuk filament palsu (pseudohifa) dan tetap bersambung dalam rantaian dan menyerupai miselium jamur (Duerden *et al.*, 1993). Apabila ditumbuhkan pada media yang sesuai pada suhu bilik, jamur dapat membentuk koloni besar yang mengandungi pelbagai struktur filamen yang bercabang dipanggil hifa. Gabungan hifa-hifa ini dipanggil miselium, yang bertanggung jawab terhadap ciri-ciri yang ditunjukkan oleh koloni. (Crowley, 1997). Dalam sesetengah famili, hifa tersebut dibahagikan oleh septum (Turk & Porter, 1974) iaitu dinding bersilang yang boleh didapati di bahagian tertentu di sepanjang hifa (hifa berseptum) manakala pada sesetengah famili yang lain, septum tidak terbentuk (hifa tidak berseptum) (Zainordin, 1989). Kulat jenis ini membiak dengan cara menghasilkan spora secara seks atau aseks (Turk & Porter, 1974) di dalam suatu struktur pembuahan yang agak ketara berbeza pada setiap spesies tertentu (Pelczar & Reid, 1972).